

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

---

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : TUAN JUGAH ANAK MUYANG @ TAMBAT  
[ LUBOK ANTU]**

**TARIKH : 3 OGOS 2020 (ISNIN)**

**SOALAN**

Minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan :-

- (a) jumlah pemohon dari kaum Dayak yang berjaya memasuki Institut Pendidikan Guru (IPG) di Sarawak pada tahun ini; dan
- (b) bagaimanakah merit justifikasi yang didasarkan dalam pemilihan guru pelatih.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, jumlah pengambilan pelajar lepasan Sijil Pelajaran Malaysia untuk Program Ijazah Sarjana Muda Perguruan (PISMP) di Institut Pendidikan Guru (IPG) setiap tahun adalah berdasarkan unjuran keperluan guru sekolah rendah di seluruh negara. Bagi tahun 2020, jumlah penawaran pelajar PISMP di semua kampus IPG seluruh negara adalah seramai 5,156 orang. Daripada jumlah tersebut, 191 orang adalah daripada kaum Dayak. Khusus bagi kampus IPG di Sarawak, 64 tawaran telah dibuat kepada kaum Dayak.

Proses pengambilan guru PISMP KPM adalah berdasarkan kepada empat (4) komponen saringan iaitu akademik, kokurikulum, Ujian

## NO. SOALAN : 47

Kelayakan Calon Guru (UKCG) dan temu duga semuka. Calon guru IPG dipilih dalam kalangan pelajar cemerlang lepasan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) yang memperoleh minimum gred cemerlang dalam lima (5) mata pelajaran dan ke atas. Seterusnya, semua calon yang memenuhi kelayakan akademik mengikut opsyen mata pelajaran perlu lulus UKCG sebelum dipanggil temu duga.

Namun, bagi tahun 2020, komponen temu duga semuka tidak dapat dilaksanakan kerana tempoh sesi temuduga calon yang dijadualkan adalah dalam tempoh PKP. Sehubungan itu, calon diminta menghasilkan video simulasi pengajaran (*Mock Teaching*) bagi menggantikan temu duga semuka.

Secara keseluruhan, calon akan dipilih berdasarkan merit markah yang diperoleh meliputi akademik, kokurikulum dan penilaian video. Tiada kuota mengikut etnik atau kaum ditetapkan dalam pengambilan pelajar IPG.

Sekian, terima kasih.